

PERBANDINGAN RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2005 (PINDAAN) DENGAN PINDAAN-PINDAAN YANG DILAKUKAN OLEH KOMUNITI SYARIAH KE ATAS RANG UNDANG-UNDANG TERSEBUT. (MEI 2006)

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2005 (PINDAAN)	ULASAN KE ATAS RANG UNDANG-UNDANG	PINDAAN-PINDAAN YANG DILAKUKAN OLEH KOMUNITI SYARIAH	ULASAN GABUNGAN KUMPULAN WANITA BERTINDAK BAGI KESAMARATAAN GENDER (JAG)
<p>Permohonan Poligami</p> <p>Seksyen 23 (4)</p> <p>Apabila menerima permohonan itu, Mahkamah hendaklah memanggil pemohon dan isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada, bakal isteri, wali kepada bakal isteri dan mana-mana orang lain yang pada pendapat Mahkamah, boleh memberikan maklumat yang berhubung dengan perkahwinan yang dicadangkan itu supaya hadir apabila permohonan itu didengar, yang hendaklah dilakukan dalam Mahkamah boleh memberi kebenaran yang dipohon itu jika berpuas hati-</p>	<p>Walaupun pindaan ini memperuntukkan Mahkamah untuk memanggil mereka yang berkaitan dengan perkahwinan poligami ke perbicaraan ia juga telah memberi kelonggaran ke atas permohonan poligami suami. Suami kini hanya perlu membuktikan bahawa poligami adalah ‘patut ATAU perlu’ dan bukan ‘patut DAN perlu’ seperti Akta terdahulu. Ini memudahkan suami untuk berpoligami. Dia hanya perlu memuaskan satu dari syarat tersebut dalam (a).</p>	<p>1. Seksyen 23 (4) (a)</p> <p>‘bahawa perkahwinan yang dicadangkan itu adalah adil ..’</p> <p>2. Seksyen 23 (4) (b)</p> <p>‘bahawa pemohon mempunyai kemampuan termasuklah secara kewangan yang membolehkan dia menanggung, sebagaimana dikehendaki Hukum Syara’ semua isteri dan orang tanggungannya, termasuk orang-orang yang akan menjadi tanggungannya berikutan dengan perkahwinan yang dicadangkan itu;’</p>	<p>1. Pindaan kepada Sek 23(4)(a) ini lebih menjurus kepada prinsip poligami yang terdapat dalam surah an Nisa 4:3 dan 4:129 iaitu</p> <p><i>‘dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap anak-anak yatim, maka berkahwinlah dengan perempuan yang kamu berkenan, dua, tiga atau empat. Tetapi jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja... (4:3)</i></p>

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2005 (PINDAAN)	ULASAN KE ATAS RANG UNDANG-UNDANG	PINDAAN-PINDAAN YANG DILAKUKAN OLEH KOMUNITI SYARIAH	ULASAN GABUNGAN KUMPULAN WANITA BERTINDAK BAGI KESAMARATAAN GENDER (JAG)
(a) bahawa perkahwinan yang dicadangkan itu adalah patut atau perlu.....’	Tiada apa-apa permohonan dari mana-mana persatuan yang meminta pindaan ini dan tiada terdapat apa-apa alasan yang kukuh bagi pindaan ini selain dari memudahkan lagi suami untuk berpoligami.		<p><i>‘Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil antara isteri-isteri kamu, sekalipun kamu bersungguh-sungguh (hendak melakukannya).’ (4:129)</i></p> <p>Suami mestilah menunjukkan bahawa dia boleh berlaku ADIL kepada keluarga sedia ada dan bakal keluarga. Isteri boleh membawa <u>saksi dan bukti</u> ketidakbolehan suami untuk berlaku adil kepada Mahkamah sekiranya isteri tidak bersetuju dengan poligami yang dicadangkan. Bukti ini termasuk sejarah kelakuan suami yang tidak adil, penurunan taraf kehidupan dan ekonomi isteri dan anak, atau gaji suami yang tidak mencukupi untuk menyara orang tanggungan dan bakal keluarga baru.</p>

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2005 (PINDAAN)	ULASAN KE ATAS RANG UNDANG-UNDANG	PINDAAN-PINDAAN YANG DILAKUKAN OLEH KOMUNITI SYARIAH	ULASAN GABUNGAN KUMPULAN WANITA BERTINDAK BAGI KESAMARATAAN GENDER (JAG)
			<p>2. Pindaan Sek 23 (4) (b) menekankan lagi syarat bahawa suami perlu mampu dari segi kewangan apabila mahu berpoligami. Suami perlu menunjukkan bukti bahawa dia boleh menyara semua tanggungannya (sedia ada dan bakal) tanpa mengganggu dan mengurangkan taraf ekonomi keluarga sedia ada.</p>
<p>Pembahagian Harta Sepencarian Semasa Poligami</p> <p>Seksyen 23 (9)</p> <p>Tiap-tiap Mahkamah yang memberikan kebenaran atau memerintahkan supaya suatu perkahwinan didaftarkan di bawah seksyen ini hendaklah mempunyai kuasa atas permohonan mana-mana pihak</p>	<p>1. Pindaan ini hanya memberi Mahkamah peluang untuk memberi perintah ke atas nafkah dan pembahagian harta sepencarian sekiranya ia dipohon oleh isteri atau suami. Sekiranya tidak dipohon, maka Mahkamah tidak wajib membuat perintah.</p>	<p>Seksyen 23 (9)</p> <p>Dalam memberikan kebenaran atau memerintahkan supaya suatu perkahwinan didaftarkan di bawah seksyen ini, Mahkamah hendaklah-</p>	<p>1. <u>Pengisytiharan Harta Sepencarian</u> - Pindaan ini mewajibkan Mahkamah membuat perintah pemberian nafkah kepada semua orang tanggungan suami dan pengisytiharan hak isteri kepada harta sepencarian tanpa perlu dipohon oleh mana-mana pihak.</p>

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2005 (PINDAAN)	ULASAN KE ATAS RANG UNDANG-UNDANG	PINDAAN-PINDAAN YANG DILAKUKAN OLEH KOMUNITI SYARIAH	ULASAN GABUNGAN KUMPULAN WANITA BERTINDAK BAGI KESAMARATAAN GENDER (JAG)
<p>kepada perkahwinan itu-</p> <p>(a) untuk menghendaki seseorang untuk membuat pembayaran nafkah kepada isteri atau isteri-isteri yang sedia ada; atau</p> <p>(b) untuk memerintahkan supaya apa-apa aset yang telah diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan itu melalui usaha bersama mereka dibahagikan antara mereka atau mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagikan.</p>	<p>2. Sekiranya ia dipohon, pindaan ini menghendaki Hakim memberi perintah ke atas suami untuk memberi nafkah kepada isteri sedia ada ATAU membahagikan harta sepencarian di antara mereka. Nafkah merupakan hak isteri dan tanggungjawab suami. Harta sepencarian adalah hak isteri ke atas harta yang terkumpul semasa perkahwinan. Isteri tidak sepatutnya diberikan pilihan samada hendak menuntut nafkah atau harta sepencarian. Kedua-dua perkara tersebut merupakan hak isteri dan ia memberi kesan yang amat tidak adil kepada isteri kerana terpaksa memilih antara haknya.</p>	<p>(a) membuat suatu perintah untuk menghendaki seseorang lelaki membuat pembayaran nafkah kepada isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada, anak-anaknya dan orang tanggungannya yang lain mengikut kemampuan kewangannya sebagaimana yang ditetapkan di bawah perenggan (4)(b); dan</p> <p>(b) Mengisytiharkan penguntukan harta sepencarian antara pihak-pihak kepada perkahwinan yang sedia ada.</p> <p>4. Seksyen 23 (10) Jika Mahkamah telah membuat suatu pengisytiharan di bawah perenggan (9)(b), sesuatu pihak kepada perkahwinan boleh memohon kepada Mahkamah bagi mendapatkan suatu perintah bagi harta sepencarian itu dijual dan</p>	<p>Setiap kali Mahkamah membenarkan permohonan poligami suami maka kedua-dua perintah ini wajib diberi.</p> <p>Ini membolehkan isteri mendapat –</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. nafkah diri dan anak secara tetap; dan 2. mengetahui bahagiannya ke atas harta sepencarian. <p>Dengan ini tidak akan timbul kekeliruan mengenai hak di antara isteri-isteri. Hak isteri pertama adalah ke atas harta yang terkumpul semasa tempoh perkahwinannya dan dia juga mempunyai bahagian ke atas harta yang terkumpul dalam perkahwinan poligami selagi dia terus berkahwin dengan suami.</p>

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2005 (PINDAAN)	ULASAN KE ATAS RANG UNDANG-UNDANG	PINDAAN-PINDAAN YANG DILAKUKAN OLEH KOMUNITI SYARIAH	ULASAN GABUNGAN KUMPULAN WANITA BERTINDAK BAGI KESAMARATAAN GENDER (JAG)
	<p>3. Peruntukan yang menggunakan perkataan tanpa berbeza gender ini menyebabkan suami juga berhak untuk menuntut pembahagian harta sepencarian apabila dia hendak berpoligami. Impak yang ketara adalah suami sekiranya tiada mempunyai wang yang cukup untuk berpoligami boleh membahagikan harta sepencarian bersama isteri sedia ada dan menggunakannya bagi perkahwinan poligami. Ini memberi kesan tidak adil kepada isteri sedia ada. Konsep harta sepencarian pada asalnya adalah untuk melindungi hak isteri ke atas harta yang terkumpul selama perkahwinan tersebut terutamanya apabila isteri adalah seorang surirumahtangga sepenuh masa.</p>	<p>hasil jualan nya dibahagikan antara pihak-pihak itu jika pemohon itu boleh memuaskan hati Mahkamah bahawa –</p> <p>(a)jika pemohon itu ialah isteri, suami telah enggan atau abai membayar nafkah kepada isteri, anak-anaknya atau mana-mana orang tanggungannya yang lain;</p> <p>(b)jika pemohon itu ialah isteri, suami telah bertindak sedemikian cara hingga boleh ditafsirkan sebagai menghilangkan hak isteri kepada harta sepencarian itu; atau</p>	<p>2. <u>Pembahagian harta Sepencarian</u> –</p> <p>a. Sekiranya selepas pengisytiharan dilakukan suami masih gagal membayar nafkah isteri, anak atau orang tanggungan, atau, telah cuba menjual / memindahkan harta yang telah disyitiharkan sebagai hak isteri, maka <u>isteri</u> boleh menguatkuasakan isytihar Mahkamah dan memohon Mahkamah membahagikan harta sepencarian.</p> <p>Isteri juga boleh melaporkan tindakan suami kepada polis kerana telah melakukan jenayah ‘pecah amanah’ dan boleh disabitkan kesalahan.</p>

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2005 (PINDAAN)	ULASAN KE ATAS RANG UNDANG-UNDANG	PINDAAN-PINDAAN YANG DILAKUKAN OLEH KOMUNITI SYARIAH	ULASAN GABUNGAN KUMPULAN WANITA BERTINDAK BAGI KESAMARATAAN GENDER (JAG)
	<p>Usahanya bekerja menjaga keluarga sehingga membolehkan suami mengumpul harta diambil kira dalam pembahagian harta semasa bercerai. Ini adalah kerana suami yang bekerja mempunyai lebih peluang untuk mengumpul harta dan mempunyai taraf ekonomi yang lebih tinggi dari isteri. Konsep ini kini telah diperluaskan kepada suami tanpa memberi isteri apa-apa imbuhan terhadap hak tradisinya.</p>	<p>(c) adalah menjadi perlu bagi harta sepencarian itu dibahagikan antara pihak-pihak itu atau bagi harta sepencarian itu dijual dan hasil jualannya dibahagikan antara pihak-pihak itu, dan dengan syarat bahawa, berhubung dengan harta sepencarian yang melibatkan pemegangan apa-apa harta dalam sesuatu perniagaan, pembahagian harta sepencarian itu tidak akan menjejaskan perniagaan itu; dan beban untuk membuktikan bahawa perniagaan itu akan terjejas terletak pada pihak yang menyatakannya.” ”.</p>	<p>b. Pembahagian juga boleh dilakukan sekiranya terdapat keperluan bagi <u>suami</u> atau <u>isteri</u> untuk membahagikan harta. Permohonan dengan menyatakan alasan keperluan perlu diusul ke Mahkamah.</p> <p>c. <u>Sekatan</u> kepada <u>pembahagian</u> - Walaupun begitu, sekiranya harta sepencarian adalah harta dalam suatu perniagaan (saham, ekuiti) maka pembahagian harta tersebut haruslah tidak menjejaskan perniagaan itu. Maka satu persetujuan bagi pembahagian boleh dilakukan, samada melalui Mahkamah atau secara sendiri. Syarikat boleh membayar secara ansuran atau tertangguh sebagai cara pembayaran bagi memastikan perniagaan itu tidak akan terjejas.</p>

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2005 (PINDAAN)	ULASAN KE ATAS RANG UNDANG-UNDANG	PINDAAN-PINDAAN YANG DILAKUKAN OLEH KOMUNITI SYARIAH	ULASAN GABUNGAN KUMPULAN WANITA BERTINDAK BAGI KESAMARATAAN GENDER (JAG)
			<p>5. <u>Penggunaan bahasa yang tidak berbeda gender (Gender neutral language)-</u> Penggunaan bahasa yang tidak berbeda gender masih dikekalkan di dalam peruntukan pembahagian harta sepencarian termasuk seksyen 23(9)(b) dan 23(10)(c). Penggunaannya adalah tidak sesuai kerana ia memberi kesan diskriminasi terhadap isteri. Isteri berada di kedudukan tawar-menawar yang lebih lemah kerana proses perceraian dan kuasa ekonomi memihak kepada suami, tetapi pembahagian harta sepencarian meletakkan suami isteri pada kedudukan yang sama dalam peruntukan-peruntukan tersebut.</p>

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2005 (PINDAAN)	ULASAN KE ATAS RANG UNDANG-UNDANG	PINDAAN-PINDAAN YANG DILAKUKAN OLEH KOMUNITI SYARIAH	ULASAN GABUNGAN KUMPULAN WANITA BERTINDAK BAGI KESAMARATAAN GENDER (JAG)
			<p>Proses ini adalah berbeza dengan sistem undang-undang keluarga sivil di mana memang terdapat keseimbangan hak kerana proses perceraian tidak mengira gender (gender neutral). Pemohon perceraian samada suami atau isteri perlu melalui proses yang sama; dengan itu peruntukan bahasa yang tidak berbeza gender adalah adil bagi mereka. Tapi ia tidak adil digunakan kepada Muslim.</p> <p>Tujuan pemberian harta sepencarian kepada isteri adalah untuk melindungi haknya terutama bagi isteri yang telah memberi sumbangan secara tidak langsung terhadap pemerolehan harta.</p>

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2005 (PINDAAN)	ULASAN KE ATAS RANG UNDANG-UNDANG	PINDAAN-PINDAAN YANG DILAKUKAN OLEH KOMUNITI SYARIAH	ULASAN GABUNGAN KUMPULAN WANITA BERTINDAK BAGI KESAMARATAAN GENDER (JAG)
			Oleh itu sistem pembahagian harta sepencarian haruslah mengekalkan konsep ini dan tidak menggunakan bahasa yang tidak mengira jantina.
<p>Perintah untuk membubarkan perkahwinan atau fasakh</p> <p>Seksyen 52</p> <p>(1) Seseorang perempuan atau lelaki yang berkahwin mengikut Hukum Syarak adalah berhak mendapat suatu perintah untuk fasakh...daripada alasan yang berikut, iaitu-</p> <p>(a) bahawa tempat di mana beradanya suami atau isteri telah tidak diketahui selama tempoh lebih daripada satu tahun;</p>	<p>Pindaan kepada Seksyen 52 telah menambah dan melanjutkan hak suami untuk menuntut fasakh.</p> <p>Kelonggaran yang diberi kepada suami untuk fasakh haruslah dimansuhkan kerana ia amat tidak adil kepada wanita. Suami telah ada mempunyai hak ke atas talaq dan kuasanya untuk melafazkan talaq di luar Mahkamah masih dibenarkan.</p>	<p>Seksyen 52.</p> <p>(1) Seseorang perempuan yang berkahwin mengikut Hukum Syarak adalah berhak untuk mendapatkan suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh atas satu atau lebih daripada alasan yang berikut:</p> <p>(a) bahawa tempat di mana beradanya suami telah tidak diketahui selama tempoh lebih daripada empat bulan;</p>	<p>1. Pindaan telah menerima kebanyakan usul dari persatuan wanita:</p> <p>a. Pindaan telah meminda semula kebanyakan seksyen yang memberi hak fasakh kepada suami, dan kini ia hanya boleh dijadikan alasan fasakh oleh isteri. (Sila rujuk Sek52(1)).</p>

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2005 (PINDAAN)	ULASAN KE ATAS RANG UNDANG-UNDANG	PINDAAN-PINDAAN YANG DILAKUKAN OLEH KOMUNITI SYARIAH	ULASAN GABUNGAN KUMPULAN WANITA BERTINDAK BAGI KESAMARATAAN GENDER (JAG)
<p>(b)</p> <p>(c) bahawa suami atau Isteri telah dihukum penjara selama tempoh tiga tahun atau lebih;</p> <p>(d) bahawa suami atau isteri telah tidak menunaikan, tanpa sebab yang munasabah, kewajipan perkahwinan (nafkah batin) suami atau isteri itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, selama tempoh satu tahun;</p> <p>(c)</p> <p>(d) bahawa suami atau isteri telah gila selama tempoh dua tahun atau sedang menghidap kusta atau vitilago atau sedang menghidap penyakit kelamin dalam keadaan boleh berjangkit;</p> <p>(e)</p>	<p>Walaupun suami memang mempunyai hak ke atas fasakh tetapi terdapat percanggahan pendapat di kalangan ulama' mazhab Sunni, mengenai jenis fasakh yang di beri. Contohnya, mazhab Hanafi hanya memberi hak fasakh kepada pihak isteri, dan mazhab yang lain memberi fasakh kepada kedua-dua pihak apabila alasannya ialah penyakit berjangkit atau penyakit yang menghalang persetujuan. RUU ternyata telah melanjutkan hak ini dengan memberi suami sesuatu hak yang tidak pernah diberi pada zaman awal Islam.</p> <p>Antara pindaan yang melanjutkan hak suami adalah subseksyen (h)(iv) yang menyatakan - "melupuskan harta isteri atau suami, melarang isteri atau suami, itu dari menggunakan hak-haknya di sisi undang-undang terhadap harta itu."</p>	<p>(b) bahawa suami telah cuai atau telah tidak mengadakan peruntukan bagi nafkahnya selama tiga bulan;</p> <p>(c) bahawa suami telah-</p> <p>i. dihukum dengan hukuman pemenjaraan selama tempoh enam bulan atau lebih; atau</p> <p>ii. dibuang negeri atau dideportasi menurut suatu perintah buang negeri atau deportasi masing-masing di bawah undang-undang yang berhubungan dengan buang negeri atau imigresen;</p> <p>(d) bahawa suami telah tidak menunaikan, tanpa sebab yang munasabah, kewajipan perkahwinannya (nafkah batin) selama tempoh empat bulan;</p>	<p>b. Tempoh bagi isteri menuntut fasakh bagi alasan tidak mengetahui di mana suami berada, tiada nafkah zahir, tiada nafkah batin dan tiada persetujuan sejak bernikah telah dipendekkan. (Sila rujuk Sek52(1) (a), (b), (d) dan (h)).</p> <p>c. Hanya isteri boleh menuntut fasakh atas alasan suami telah melupuskan harta. (Sila rujuk Sek52(1)(g)(iv))</p> <p>2. Walaupun begitu, masih terdapat peruntukan di mana suami dan isteri boleh gunakan sebagai alasan fasakh. Ia adalah mengenai hal-hal kesihatan dan apa-apa alasan yang diiktiraf oleh Hukum Syarak. (Sila rujuk Sek52(3))</p>

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2005 (PINDAAN)	ULASAN KE ATAS RANG UNDANG-UNDANG	PINDAAN-PINDAAN YANG DILAKUKAN OLEH KOMUNITI SYARIAH	ULASAN GABUNGAN KUMPULAN WANITA BERTINDAK BAGI KESAMARATAAN GENDER (JAG)
<p>(f) bahawa suami atau isteri menganiyai isteri atau suaminya, mengikut mana-mana yang berkenaan, iaitu, antara lain-</p> <p>(i) secara lazim menyakitinya atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya;</p> <p>(ii) berkawan dengan perempuan atau lelaki yang berperangai jahat atau hidup berperangai keji mengikut pandangan Hukum Syarak;</p> <p>(iii) cuba memaksa isteri hidup secara tidak bermoral;</p>	<p>Mengikut Hukum Syarak, suami tidak berhak mengambil harta isterinya, tetapi isteri berhak mengambil harta suaminya sekiranya suami tidak memberi nafkah yang mencukupi (Hadith Rasulullah (saw) mengenai Hendon dan suaminya Abu Suffian).</p> <p>Sekali lagi penggunaan perkataan tanpa mengira jantina telah mengakibatkan diskriminasi terhadap isteri.</p>	<p>(e) bahawa suami telah mati pucuk pada masa perkahwinan dan masih lagi sedemikian dan isteri tidak tahu pada masa perkahwinan bahawa suami telah mati pucuk;</p> <p>(f) bahawa isteri, setelah dikahwinkan oleh wali mujbirnya sebelum dia mencapai umur baligh, menolak perkahwinan itu sebelum mencapai umur lapan belas tahun, dan dia belum disetubuhi oleh suaminya itu;</p> <p>(g) bahawa suami menganiyai isterinya, iaitu, antara lain-</p> <p>(i) secara lazim menyakitinya atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya;</p> <p>(ii) berkawan dengan perempuan yang berperangai jahat atau hidup berperangai keji mengikut pandangan Hukum Syarak;</p>	<p>3. Terdapat satu alasan yang khas diberi kepada suami iaitu apabila isteri tidak boleh bersetubuh menurut Hukum Syarak kerana terdapat tulang atau tumbuhnya daging yang tidak membenarkan persetubuhan. Alasan ini tidak termasuk keadaan di mana isteri sakit dan tidak berupaya untuk bersetubuh.</p> <p>4. Penggunaan bahasa tanpa berbeda gender telah sekali lagi digunakan di seksyen ini. Suami kini masih boleh menuntut fasakh walaupun ia tidak dibenarkan di Akta terdahulu. Walaupun memang terdapat pendapat mazhab yang membenarkan fasakh kepada suami tetapi mazhab adalah tidak sepakat.</p>

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2005 (PINDAAN)	ULASAN KE ATAS RANG UNDANG-UNDANG	PINDAAN-PINDAAN YANG DILAKUKAN OLEH KOMUNITI SYARIAH	ULASAN GABUNGAN KUMPULAN WANITA BERTINDAK BAGI KESAMARATAAN GENDER (JAG)
<p>(iv) melupuskan harta isteri atau suami atau melarang isteri atau suami menggunakan haknya di sisi undang-undang terhadap harta itu;</p> <p>(v)</p> <p>(vi)</p> <p>(g) bahawa walaupun selepas empat bulan berlalu, perkahwinan itu masih belum disatukan kerana suami atau isteri enggan disetubuhi;</p> <p>(h)</p> <p>(i)</p> <p>(2) Tiada perintah boleh dibuat atas alasan yang dinyatakan dalam perenggan (1) (c) sehingga hukuman itu telah menjadi muktamad dan suami atau isteri itu telah pun menjalani satu tahun daripada hukuman itu.</p>		<p>(iii) cuba memaksa isteri hidup secara tidak bermoral;</p> <p>(iv) melupuskan harta isteri secara tidak sah di sisi undang-undang atau berlawanan dengan Hukum Syarak atau melarang isteri daripada menggunakan haknya di sisi undang-undang atau haknya di bawah Hukum Syarak terhadap harta itu;</p> <p>(v) menghalang isteri daripada menunaikan kewajipan atau amalan agamanya; atau</p> <p>(vi) jika suami mempunyai isteri lebih daripada seorang, dia tidak melayani isteri-isteri secara adil mengikut kehendak Hukum Syarak;</p> <p>(h) bahawa walaupun selepas empat bulan berlalu, isteri masih belum disetubuhi kerana suami dengan sengaja enggan menyetubuhinya;</p>	<p>Dengan mengambil kira konteks masyarakat pada masa ini dan realiti ketidaksamarataan hak, fasakh tidak seharusnya diperluaskan kepada suami.</p> <p>Pada masa ini tidak terdapat masalah bagi suami untuk menceraikan isterinya, oleh itu kenapa alasan perceraian bagi lelaki dipertambahkan? Kenapa apabila terdapat pendapat mazhab yang berpihak kepada wanita, ia tidak diiktiraf? Setiap pindaan haruslah untuk memperbaiki Akta yang lama tetapi kelonggaran ini adalah tanpa ada apa-apa alasan atau keperluan.</p>

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2005 (PINDAAN)	ULASAN KE ATAS RANG UNDANG-UNDANG	PINDAAN-PINDAAN YANG DILAKUKAN OLEH KOMUNITI SYARIAH	ULASAN GABUNGAN KUMPULAN WANITA BERTINDAK BAGI KESAMARATAAN GENDER (JAG)
		<p>(i) bahawa isteri tidak memberi keizinan akan perkahwinan itu atau keizinannya tidak sah, sama ada oleh sebab paksaan, kesilapan, ketidaksempurnaan akal, atau apa-apa hal keadaan lain yang diiktiraf oleh Hukum Syarak;</p> <p>(j) bahawa pada masa perkahwinan itu isteri, sungguhpun berkebolehan memberi keizinan yang sah, adalah seorang yang kecelaruan mental, sama ada berterusan atau berselang, dalam erti Ordinan Kecelaruan Mental 1952 [<i>Ord. 31 tahun 1952</i>] bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, atau Ordinan Orang Gila Sabah [<i>Sabah Bab 74</i>] bagi Wilayah Persekutuan Labuan, dan kecelaruan mentalnya adalah daripada suatu jenis atau setakat yang menjadikannya tidak layak untuk berkahwin;</p>	

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2005 (PINDAAN)	ULASAN KE ATAS RANG UNDANG-UNDANG	PINDAAN-PINDAAN YANG DILAKUKAN OLEH KOMUNITI SYARIAH	ULASAN GABUNGAN KUMPULAN WANITA BERTINDAK BAGI KESAMARATAAN GENDER (JAG)
		<p>(2) Seseorang lelaki yang berkahwin mengikut Hukum Syarak adalah berhak untuk mendapatkan suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh atas alasan bahawa isteri menjadi tidak upaya mengikut Hukum Syarak yang menghalang persetujuan.</p> <p>(3) Seseorang lelaki atau perempuan yang berkahwin mengikut Hukum Syarak adalah berhak untuk mendapatkan suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh atas alasan isteri atau suaminya—</p> <p><i>(a) atas alasan isterinya atau suaminya</i></p> <p><i>(i) sedang menghidap penyakit mental yang tidak boleh diubati;</i></p> <p><i>(ii) sedang menghidap penyakit kusta atau vitiligo;</i></p>	

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2005 (PINDAAN)	ULASAN KE ATAS RANG UNDANG-UNDANG	PINDAAN-PINDAAN YANG DILAKUKAN OLEH KOMUNITI SYARIAH	ULASAN GABUNGAN KUMPULAN WANITA BERTINDAK BAGI KESAMARATAAN GENDER (JAG)
		<p>(iii) sedang menghidap penyakit kelamin dalam keadaan boleh berjangkit; atau</p> <p>(iv) sedang menghidap apa-apa penyakit yang boleh memudaratkan kesihatan pihak yang satu lagi kepada perkahwinan itu.</p> <p>(b) apa-apa alasan lain yang diiktiraf sebagai sah bagi membubarkan perkahwinan atau bagi fasakh di bawah Hukum Syarak.</p> <p>(4) Tiada perintah boleh dibuat atas alasan yang dinyatakan dalam subperenggan (1)(c)(i) sehingga hukuman itu telah menjadi muktamad dan suami itu telah pun menjalani empat bulan daripada hukuman itu.</p>	

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2005 (PINDAAN)	ULASAN KE ATAS RANG UNDANG-UNDANG	PINDAAN-PINDAAN YANG DILAKUKAN OLEH KOMUNITI SYARIAH	ULASAN GABUNGAN KUMPULAN WANITA BERTINDAK BAGI KESAMARATAAN GENDER (JAG)
		<p>(5) Tiada perintah boleh dibuat atas alasan yang dinyatakan dalam subperenggan (1)(c)(ii) sehingga berlalu tempoh empat bulan dari tarikh perintah buang negeri atau deportasi itu dilaksanakan.</p> <p>(6) Sebelum membuat suatu perintah atas alasan yang dinyatakan dalam perenggan (1)(e) Mahkamah hendaklah, atas permohonan suami, membuat suatu perintah menghendaki suami memuaskan hati Mahkamah dalam tempoh satu tahun dari tarikh perintah itu bahawa dia tidak lagi mati pucuk, dan jika suami memuaskan hati Mahkamah sedemikian dalam sedemikian dalam tempoh itu, tiada suatu perintah boleh dibuat atas alasan itu.</p>	

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2005 (PINDAAN)	ULASAN KE ATAS RANG UNDANG-UNDANG	PINDAAN-PINDAAN YANG DILAKUKAN OLEH KOMUNITI SYARIAH	ULASAN GABUNGAN KUMPULAN WANITA BERTINDAK BAGI KESAMARATAAN GENDER (JAG)
<p>Pelupusan Harta Sepencarian</p> <p>Seksyen 107A</p> <p>(1) Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana pihak kepada sesuatu perkahwinan-</p> <p>(a) jika mana-mana prosiding hal-ehwal suami isteri masih belum selesai; atau</p>	<p>Peruntukan dalam Akta 1984 membolehkan Mahkamah membatalkan atau menahan perpindahan harta oleh suami atau ibubapa yang bertujuan untuk mengurangkan kemampuan suami membayar nafkah, mut'ah atau menghalang isteri dari mendapat harta itu.</p>	<p>107A</p> <p>Sesuatu pihak kepada sesuatu perkahwinan tidak boleh melupuskan harta sepencarian dengan niat untuk menghilangkan hak pihak yang satu lagi kepada harta sepencarian itu.</p> <p>Injunksi terhadap pelupusan harta sepencarian</p> <p>107B (1) Mahkamah boleh atas permohonan mana-mana pihak kepada sesuatu perkahwinan-</p> <p>(a) jika mana-mana prosiding hal ehwal suami isteri masih belum selesai; atau</p>	<p>1. Seksyen baru ini menghalang suami atau isteri melupuskan harta sepencarian dengan tujuan untuk menafikan hak pasangannya ke atas harta tersebut. Sekali lagi penggunaan perkataan tanpa berbeda gender digunakan.</p>

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2005 (PINDAAN)	ULASAN KE ATAS RANG UNDANG-UNDANG	PINDAAN-PINDAAN YANG DILAKUKAN OLEH KOMUNITI SYARIAH	ULASAN GABUNGAN KUMPULAN WANITA BERTINDAK BAGI KESAMARATAAN GENDER (JAG)
<p>(b) dalam mana-mana prosiding yang Mahkamah boleh membuat perintah di bawah Seksyen 122,</p> <p>Membuat suatu perintah melarang isteri atau suami, mengikut mana-mana yang berkenaan, daripada melupuskan apa-apa aset yang telah diperoleh mereka, secara usaha bersama atau usaha satu pihak semata-mata semasa perkahwinan mereka berkuat kuasa jika Mahkamah berpuas hati adalah perlu untuk berbuat demikian.</p>	<p>Peruntukan baru seksyen 107A Pindaan 2005 meluaskan kuasa Mahkamah dan membenarkan ia membatalkan atau menahan perpindahan harta oleh pihak isteri.</p> <p>Mengikut undang-undang Islam tradisional, suami tidak berhak menuntut nafkah daripada isterinya, dan tidak mempunyai apa-apa hak ke atas harta isteri. Harta isteri adalah hartanya sendiri yang tidak boleh diganggu oleh sesiapa pun, tetapi isteri berhak ke atas nafkah daripada suami, dan hak dan kewajipan yang berbeza mengenai harta dan nafkah ada kaitannya dengan pembahagian pusaka yang memberi bahagian yang lebih kepada lelaki dari perempuan.</p> <p>Adakah pindaan ini dibuat atas alasan kesamarataan gender?</p>	<p>(b) dalam mana-mana prosiding yang Mahkamah boleh membuat perintah di bawah seksyen 122, memberikan perintah injuksi menyekat suami atau isteri, mengikut mana-mana yang berkenaan, daripada melupuskan apa-apa harta sepencarian semasa perkahwinan mereka berkuat kuasa jika Mahkamah berpuas hati adalah perlu untuk berbuat demikian.</p>	<p>2. Mahkamah boleh mengeluarkan sekatan menyekat pelupusan harta dalam mana-mana 3 perkara yang dinyatakan pada 107B(1) (a), (b) dan (c), tetapi perintah ini tidak boleh menjejaskan taraf hidup dan kebajikan suami, isteri atau mana-mana orang tanggungan.</p> <p>Ini bermakna sekiranya terdapat permohonan penahanan pelupusan harta, Mahkamah akan memastikan bahawa nafkah keluarga tidak akan terjejas. Sekiranya ia terjejas maka perkara ini harus dimaklumkan kepada Mahkamah bagi menegah perintah injuksi.</p>

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2005 (PINDAAN)	ULASAN KE ATAS RANG UNDANG-UNDANG	PINDAAN-PINDAAN YANG DILAKUKAN OLEH KOMUNITI SYARIAH	ULASAN GABUNGAN KUMPULAN WANITA BERTINDAK BAGI KESAMARATAAN GENDER (JAG)
	<p>Sekiranya penggubal undang-undang keluarga Islam hendak mentafsir semula hukum Islam atas alasan menggunakan pendekatan kesamarataan gender (jantina) dan peralihan zaman, maka ia perlulah membuat pentafsiran semula secara menyeluruh dengan memastikan keseimbangan hak antara perempuan dan lelaki. Dengan kata lain, amatlah zalim dan tidak adil jika alasan kesamarataan gender digunakan untuk memperluaskan hak lelaki supaya kaum lelaki juga boleh menikmati hak dan keistimewaan yang pada tradisionalnya hanya boleh dinikmati oleh kaum perempuan, tetapi pada masa yang sama masih mengekalkan hak dan keistimewaan tradisional kaum lelaki. Keadaan begini akan betul-betul memburukkan lagi dan menambah lagi penindasan ke atas kaum wanita.</p>	<p>(2) Setiap prosiding bagi permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah mengikut tatacara yang ditetapkan dalam Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998.</p> <p>(3) Mahkamah hendaklah, dalam memberikan perintah injunksi di bawah subseksyen (1), memastikan bahawa perintah injunksi itu <u>tidak akan menjejaskan taraf hidup dan kebajikan mana-mana pihak kepada perkahwinan itu dan mana-mana orang tanggungannya yang sedia ada.</u></p> <p>(4) Kegagalan untuk mematuhi perintah injunksi di bawah subseksyen (1) boleh dikenakan hukuman sebagai suatu penghinaan kepada Mahkamah.</p>	

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2005 (PINDAAN)	ULASAN KE ATAS RANG UNDANG-UNDANG	PINDAAN-PINDAAN YANG DILAKUKAN OLEH KOMUNITI SYARIAH	ULASAN GABUNGAN KUMPULAN WANITA BERTINDAK BAGI KESAMARATAAN GENDER (JAG)
	<p>Sekiranya pihak berkuasa sebenarnya hendak mengadakan kesamarataan gender, maka peruntukan-peruntukan yang mengekalkan hak tradisional kaum lelaki perlulah dikaji semula untuk dibuat pindaan sewajarnya. Ia termasuklah peruntukan mengenai soal nusyuz dalam perkahwinan, poligami, proses perceraian talaq, hak penjagaan anak, dan pembahagian harta pusaka.</p>		
<p>Seksyen 122</p> <p>‘Pembahagian Harta Sepencarian’</p> <p>Kuasa Mahkamah untuk memerintahkan pembahagian harta sepencarian</p>	<p>Peruntukan ini adalah amat tidak adil terutamanya kepada isteri yang tidak bekerja, tidak mempunyai apa-apa pendapatan atau telah melalui tempoh perkahwinan yang lama.</p>	<p>1. Seksyen 122 (1) diganti dengan perenggan (1) yang baru iaitu:</p> <p>122. (1) Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa –</p> <p>(a) apabila membenarkan suatu perintah perceraian atau suatu pihak kepada perkahwinan telah memperoleh perintah perceraian;</p>	<p>1. Seksyen ini memberi hak kepada Mahkamah untuk membahagikan harta sepencarian di atas semua alasan perceraian, apabila berlaku kematian dan pengisytiharan bahagian harta sepencarian semasa poligami.</p>

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2005 (PINDAAN)	ULASAN KE ATAS RANG UNDANG-UNDANG	PINDAAN-PINDAAN YANG DILAKUKAN OLEH KOMUNITI SYARIAH	ULASAN GABUNGAN KUMPULAN WANITA BERTINDAK BAGI KESAMARATAAN GENDER (JAG)
<p>(1) Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafaz talaq atau membuat suatu perintah perceraian, untuk memerintahkan supaya apa-apa aset yang diperolehi pihak-pihak semasa perkahwinan mereka melalui usaha sama mereka dibahagikan antara mereka atau supaya apa-apa aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagikan antara pihak-pihak itu,</p> <p>(2) Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen (1), Mahkamah hendaklah mengambil kira tentang-</p> <p>(a) takat sumbangan yang dibuat oleh setiap pihak dalam bentuk wang, harta atau kerja bagi memperoleh aset itu;</p>	<p>Isteri tidak mempunyai apa-apa aset dan sekarang <i>tidak mempunyai</i> nilai ekonomi yang tinggi kerana telah berkhidmat kepada suami dan keluarga. Suami yang telah boleh mengumpul harta kerana adanya khidmat isteri kini boleh memohon pembahagian harta sepencarian.</p> <p>Bahasa tidak berbeza gender yang digunakan adalah sama dengan peruntukan pembahagian aset perkahwinan di bawah undang-undang sivil dalam Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 bagi penganut agama lain. Perkara ini adalah tidak adil dan memberi kesan diskriminasi ke atas isteri Muslim kerana tidak terdapat keseimbangan hak di antara pihak lelaki dan perempuan dalam perundangan keluarga Islam kini.</p>	<p>(b) apabila kedua-dua pihak kepada perkahwinan beragama Islam dan berlaku kematian salah satu pihak; atau</p> <p>(c) apabila satu permohonan dibuat oleh suatu pihak kepada perkahwinan di bawah subseksyen 23(9),</p> <p>untuk—</p> <p>(A) memerintahkan supaya apa-apa harta sepencarian dibahagikan antara pihak-pihak itu atau apa-apa harta sepencarian itu dijual dan hasil jaluannya dibahagikan antara pihak-pihak itu; dan</p>	<p>Adalah lebih jelas kini bahawa Mahkamah mempunyai kuasa untuk membahagikan harta sepencarian semasa kematian suami atau isteri. Ini bermakna sebelum harta simati difaraidkan hak isteri ke atas harta sepencarian haruslah diberikan kepadanya terlebih dahulu. Perkara ini perlu dipohon dari Mahkamah. Kami telah memohon agar borang pembahagian harta pusaka disertakan ruangan bagi pembahagian harta sepencarian bagi memaklumkan semua waris mengenai hak isteri.</p>

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2005 (PINDAAN)	ULASAN KE ATAS RANG UNDANG-UNDANG	PINDAAN-PINDAAN YANG DILAKUKAN OLEH KOMUNITI SYARIAH	ULASAN GABUNGAN KUMPULAN WANITA BERTINDAK BAGI KESAMARATAAN GENDER (JAG)
<p>(b) apa-apa hutang yang belum dijelaskan oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka; dan</p> <p>(c) keperluan anak-anak yang belum dewasa daripada perkahwinan itu, jika ada, dan tertakluk kepada pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah membuat pembahagian yang sama banyak.</p> <p>(3) Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafaz talaq atau membuat suatu perintah perceraian, untuk memerintahkan supaya apa-apa aset yang diperoleh semasa perkahwinan melalui usaha satu pihak kepada perkahwinan itu semata-mata dibahagikan antara pihak-pihak itu atau</p>	<p>Hak suami dan isteri ke atas perceraian dan pembahagian harta adalah sama di dalam undang-undnag sivil tetapi suami dan isteri Muslim mempunyai hak yang berlainan.</p> <p>Undang-undang tradisional mengikut kebanyakan masyarakat, termasuk di Barat serta di Timur, memang mengutamakan hak pihak lelaki dalam berbagai perkara, tetapi biasanya terdapatlah juga keseimbangan dengan melebihi kewajipan lelaki. Pindaan ini pula telah menambahkan hak tradisional suami tanpa menyeimbangkannya dengan tanggungjawab yang harus dipikul.</p>	<p>(B) dalam hal perenggan (b), menentukan kadar dan membahagikan harta sepencarian kepada pihak yang menakat; dan</p> <p>(C) dalam hal perenggan (c), mengisytiharkan penguntukan bahagian harta sepencarian atau pembahagian harta sepencarian antara pihak-pihak kepada perkahwinan yang sedia ada.</p> <p>(2) Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen (1), Mahkamah hendaklah mengambil kira tentang-</p> <p>(a) takat sumbangan yang dibuat oleh setiap pihak dalam bentuk wang, harta atau kerja bagi memperoleh aset itu;</p>	<p>Semasa pembahagian Mahkamah akan mengambil kira takat sumbangan suami dan isteri, hutang yang belum dijelaskan dan keperluan anak-anak yang belum dewasa.</p> <p>Sebagai contoh sekiranya harta sepencarian tersebut adalah rumah kelamin yang masih belum langsi hutangnya dengan bank dan mempunyai anak yang masih bersekolah maka keperluan ini akan diambil kira oleh Mahkamah dalam membahagikan harta sepencarian.</p>

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2005 (PINDAAN)	ULASAN KE ATAS RANG UNDANG-UNDANG	PINDAAN-PINDAAN YANG DILAKUKAN OLEH KOMUNITI SYARIAH	ULASAN GABUNGAN KUMPULAN WANITA BERTINDAK BAGI KESAMARATAAN GENDER (JAG)
<p>supaya apa-apa aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagikan antara pihak-pihak itu.</p> <p>(4) Pada masa menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen (3), Mahkamah hendaklah mengambil kira tentang-</p> <p>(a) takat sumbangan yang dibuat oleh pihak yang tidak memperoleh aset itu kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumahtangga atau menjaga keluarga; dan</p> <p>(b) keperluan anak-anak belum dewasa daripada perkahwinan itu, jika ada, dan tertakluk kepada pertimbangan itu, Mahkamah boleh membahagikan aset itu atau hasil jualan itu mengikut</p>	<p>SIS telah menerima banyak aduan daripada wanita Islam yang mengatakan mereka telah terpaksa bersetuju melepaskan tuntutan harta sepencarian agar mendapat persetujuan suami untuk perceraian. Malah terdapat juga aduan mengenai suami yang mengugut hendak membuat tuntutan harta sepencarian terhadap harta yang sebenarnya harta isteri sekiranya isteri tidak mengikut kehendaknya mengenai syarat perceraian.</p> <p>Pada masa ini, isteri masih berada dalam kedudukan tawar-menawar yang lebih lemah mengenai soal perceraian kerana proses perceraian sedia ada lebih mengutamakan suami, tetapi dalam pindaan ini pembahagian harta sepencarian tidak mengutamakan isteri tetapi meletakkan suami isteri atas kedudukan yang sama.</p>	<p>(b) apa-apa hutang yang belum dijelaskan oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka; dan</p> <p>(c) keperluan anak-anak yang belum dewasa daripada perkahwinan itu, jika ada, dan tertakluk kepada pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah membahagikan harta sepencarian itu atau hasil jualannya mengikut apa-apa kadar yang difikirkan oleh Mahkamah sebagai munasabah.</p> <p>2. Memasukkan definasi baru bagi harta sepencarian pada Seksyen 2 Akta.</p> <p>(iiia) dengan menggantikan takrif ‘harta sepencarian’ dengan takrif yang berikut:</p> <p>‘harta sepencarian’ termasuklah-</p>	<p>2. Telah memberi definasi harta sepencarian yang lebih luas. Ia lebih nyata kini bahawa usaha isteri bagi menjaga keluarga dan rumahtangga akan dianggap sebagai usaha bersama dalam mendapatkan harta. Harta isteri yang diperolehi semasa perkahwinan juga bukan harta sepencarian.</p> <p>Tanggungjawab suami dalam memberi nafkah kepada keluarga tidak akan diambil kira dalam pembahagian harta sepencarian kerana ia merangkumi tanggungjawab beliau sebagai seorang suami.</p>

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2005 (PINDAAN)	ULASAN KE ATAS RANG UNDANG-UNDANG	PINDAAN-PINDAAN YANG DILAKUKAN OLEH KOMUNITI SYARIAH	ULASAN GABUNGAN KUMPULAN WANITA BERTINDAK BAGI KESAMARATAAN GENDER (JAG)
<p>apa-apa kadar yang difikirkan oleh Mahkamah sebagai munasabah, tetapi, dalam apa-apa hal, pihak yang melalui usahanya aset itu diperoleh hendaklah menerima kadar yang lebih besar.</p> <p>(5) Bagi maksud seksyen ini, sebutan tentang aset yang diperoleh semasa sesuatu perkahwinan termasuklah aset yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan itu yang telah dimajukan sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan itu oleh pihak yang satu lagi atau melalui usaha bersama mereka.</p>	<p>Ini adalah realiti sebenar bagi kebanyakan isteri Muslim dan ia haruslah diberi perhatian oleh pengubal undang-undang.</p>	<p>(a) harta yang diperoleh suami dan isteri melalui usaha bersama mereka semasa perkahwinan;</p> <p>(b) harta yang diperoleh suami melalui usahanya sendiri semasa perkahwinan dengan sumbangan secara tidak langsung daripada isteri; dan</p> <p>(c) apa-apa hasil dan nilai tambahan daripada perkembangan dan pemajuan melalui usaha sendiri pihak yang satu lagi kepada perkahwinan itu semasa perkahwinan berkenaan dengan-</p> <p>(i) apa-apa harta kepunyaan suami atau isteri sebelum perkahwinan;</p> <p>(ii) apa-apa harta yang diperoleh isteri melalui usahanya sendiri semasa perkahwinan; atau</p>	<p>Definasi ini juga melindungi hak isteri dan suami terhadap harta kepunyaan sendiri yang diperolehi sebelum perkahwinan atau apa-apa harta yang diperolehi secara hadiah, hibah, wasiat, sedekah, harta pusaka atau yang sepeertinya.</p> <p>Sekiranya suami atau isteri telah melakukan sesuatu yang telah menambah nilai harta yang diperolehi sebelum perkahwinan, harta yang diperolehi secara hadiah, hibah, wasiat, sedekah, harta pusaka atau ke atas harta isteri yang diperolehi semasa perkahwinan maka penambahan ini adalah dianggap sebagai harta sepercarian iaitu tanpa mengira harga harta tersebut. Hanya penambahan nilai yang akan dikira.</p>

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2005 (PINDAAN)	ULASAN KE ATAS RANG UNDANG-UNDANG	PINDAAN-PINDAAN YANG DILAKUKAN OLEH KOMUNITI SYARIAH	ULASAN GABUNGAN KUMPULAN WANITA BERTINDAK BAGI KESAMARATAAN GENDER (JAG)
		<p>(iii) apa-apa hadiah, pemberian (hibah), wasiat, sedekah atau harta pusaka yang diterima atau apa-apa harta lain yang diperoleh suami atau isteri sebelum atau semasa perkahwinan.</p> <p>HURAIAN</p> <p>(a) Harta yang diperoleh isteri semasa perkahwinan melalui usahanya sendiri bukanlah harta sepencarian.</p> <p>(b) Apa-apa sumbangan oleh isteri dalam menjaga keluarga dan rumahtangga atau apa-apa urusan lain yang berhubungan dengan pemerolehan harta hendaklah dikira sebagai usaha bersama bagi maksud mentafsirkan takrif ‘harta sepencarian’</p>	<p>3. Di dalam beberapa peruntukan, perkataan tanpa berbeda gender masih digunakan dalam Pindaan. 3. Di dalam beberapa peruntukan, perkataan tanpa berbeda gender masih digunakan dalam Pindaan.</p>

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2005 (PINDAAN)	ULASAN KE ATAS RANG UNDANG-UNDANG	PINDAAN-PINDAAN YANG DILAKUKAN OLEH KOMUNITI SYARIAH	ULASAN GABUNGAN KUMPULAN WANITA BERTINDAK BAGI KESAMARATAAN GENDER (JAG)
		<p>(c) Apa-apa sumbangan oleh suami dalam menunaikan kewajibannya untuk menjaga keluarga dan rumahtangga sebagaimana yang ditetapkan oleh Hukum Syarak tidaklah dikira sebagai usaha bersama bagi maksud mentafsirkan takrif ‘harta sepencarian’</p> <p>(d) Apa-apa sumbangan oleh suami selain sumbangan dalam (c) yang membawa kepada pemerolehan harta hendaklah dikira sebagai usaha bersama bagi maksud mentafsirkan takrif ‘harta sepencarian’</p> <p>(e) Harta kepunyaan suami atau isteri sebelum perkahwinan, atau hadiah, pemberian (hibah), wasiat, sedekah, harta pusaka yang diterima atau apa-apa harta lain yang diperoleh oleh suami atau isteri sebelum atau semasa perkahwinan, bukanlah harta sepencarian.</p>	

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2005 (PINDAAN)	ULASAN KE ATAS RANG UNDANG-UNDANG	PINDAAN-PINDAAN YANG DILAKUKAN OLEH KOMUNITI SYARIAH	ULASAN GABUNGAN KUMPULAN WANITA BERTINDAK BAGI KESAMARATAAN GENDER (JAG)
Pindaan Baru		<p>Seksyen 6 dimasukkan seksyen tambahan iaitu</p> <p>(1A) Sesuatu perkahwinan yang diakadnikahkan tanpa kebenaran Mahkamah di bawah subseksyen (1) tidak boleh didaftarkan di bawah Akta ini melainkan jika Mahkamah berpuas hati bahawa perkahwinan itu adalah sah mengikut Hukum Syarak dan Mahkamah telah memerintahkan supaya perkahwinan itu didaftarkan tertakluk kepada seksyen 123.</p> <p>(1B) Seseorang isteri atau isteri-isteri yang sedia ada yang suaminya telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah seksyen 123 boleh mengemukakan permohonan kepada Mahkamah mengikut cara yang ditetapkan untuk mendaftarkan perkahwinan suaminya itu menurut subseksyen (1A).</p>	<p>Perkahwinan hanya boleh didaftarkan sekiranya Mahkamah mendapati bahawa ia telah menepati Hukum Syarak atau telah diarahkan untuk didaftar selepas suami didapati bersalah kerana berpoligami tanpa kebenaran Mahkamah. Isteri juga boleh mendaftarkan perkahwinan ini selepas Mahkamah mendapati suami bersalah tetapi ini tidak dapat mengatasi masalah dimana isteri mengetahui bahawa suami telah berpoligami secara rahsia dan tidak mendapat apa-apa bukti yang sah dan memerlukan bantuan Mahkamah. Isteri masih memerlukan tempat bagi membuat pengaduan dan membuktikan bahawa suami telah benar-benar berpoligami secara tak sah.</p> <p>Adalah tidak perlu bagi isteri untuk meminta pendaftaran</p>

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2005 (PINDAAN)	ULASAN KE ATAS RANG UNDANG-UNDANG	PINDAAN-PINDAAN YANG DILAKUKAN OLEH KOMUNITI SYARIAH	ULASAN GABUNGAN KUMPULAN WANITA BERTINDAK BAGI KESAMARATAAN GENDER (JAG)
			<p>sekiranya suami telah didapati bersalah oleh Mahkamah kerana ia sepatutnya dilakukan secara automatik – setelah suami didapati bersalah Mahkamah hendaklah memerintahkan pendaftaran perkahwinan poligami.</p> <p>Kami meminta bahawa seksyen ini dipinda bagi membolehkan isteri mengemukakan permohonan untuk pendaftaran dengan membawa bukti-bukti atau saksi-saksi yang telah diperolehi bagi membuktikan poligami. Seksyen ini juga masih membenarkan pendaftaran apabila perkahwinan berlaku tanpa kebenaran Mahkamah. Ia masih tidak dapat membendung gejala perkahwinan yang sengaja dilakukan bagi mengelakkan proses kebenaran Mahkamah terutamanya kes-kes poligami.</p>

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2005 (PINDAAN)	ULASAN KE ATAS RANG UNDANG-UNDANG	PINDAAN-PINDAAN YANG DILAKUKAN OLEH KOMUNITI SYARIAH	ULASAN GABUNGAN KUMPULAN WANITA BERTINDAK BAGI KESAMARATAAN GENDER (JAG)
<p>Mutaah atau pemberian sugu hati kepada isteri yang diceraikan tanpa apa-apa sebab mengikut Hukum Syarak</p> <p>Seksyen 56</p> <p>Selain dari haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon mutaah atau pemberian sugu hati kepada Mahkamah, dan Mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut Hukum Syarak.</p>	<p>Mazhab Shafie menekankan kewajipan pembayaran mutaah atau wang pampasan oleh suami. Ia harus menurut garis panduan yang perlu ditetapkan supaya tidak timbul kekeliruan mengenai tahap pampasan yang boleh diberi oleh Mahkamah. SIS telah menerima banyak aduan dari isteri yang merasakan bahawa pembayaran mutaah adalah terlalu sedikit dan tidak setimpal.</p> <p>Tempoh perkahwinan haruslah dikira dalam menentukan jumlah mut'ah. Tujuan mut'ah adalah untuk mententeramkan perasaan isteri apabila dicerai.</p>	<p>Seksyen 56</p> <p>(1) Sebagai tambahan kepada haknya untuk memohon nafkah, seseorang isteri yang telah diceraikan tanpa apa-apa sebab mengikut Hukum Syarak oleh suaminya boleh memohon muta'ah atau pemberian sugu hati kepada Mahkamah, dan Mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa isteri itu telah diceraikan sedemikian, memerintahkan supaya suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut Hukum Syarak.</p>	<p>Pindaan ini menegaskan bahawa mutaah adalah salah satu hak isteri dan ia tidak tertakluk kepada perceraian tanpa sebab yang patut.</p> <p>Ia telah mengambil-kira saranan dari persatuan wanita untuk mengadakan garis panduan perkara-perkara yang perlu diambil-kira oleh Mahkamah dalam menentukan jumlah mutaah yang patut dibayar oleh suami. Pindaan ini adalah lebih sesuai dari apa yang terdapat dalam pindaan terdahulu.</p>

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2005 (PINDAAN)	ULASAN KE ATAS RANG UNDANG-UNDANG	PINDAAN-PINDAAN YANG DILAKUKAN OLEH KOMUNITI SYARIAH	ULASAN GABUNGAN KUMPULAN WANITA BERTINDAK BAGI KESAMARATAAN GENDER (JAG)
	<p>Sudah tentu perasaan isteri yang sudah berumur dan telah lama berkahwin akan lebih hancur berbanding dengan isteri yang lebih muda dan telah berkahwin bagi tempoh yang singkat, dan berkemungkinan lebih berupaya untuk menyesuaikan dirinya untuk mencari pendapatannya sendiri.</p>	<p>(2) Dalam menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen (1), Mahkamah hendaklah mengambil kira, antara lainnya, perkara yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) keperluan isteri yang diceraikan untuk memulakan hidup baru; (b) taraf hidup dan kedudukan kewangan suami semasa perceraian; (c) kesukaran kewangan yang dihadapi oleh isteri selepas diceraikan; (d) tempoh perkahwinan pihak-pihak; (e) sumbangan yang telah diberikan semasa perkahwinan oleh isteri yang diceraikan. 	